

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pembangunan usahawan di Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensi-agensinya di bawahnya telah menyediakan bantuan kepada usahawan di seluruh negara termasuk di Sabah dalam bentuk latihan bagi pembangunan kapasiti usahawan dan pembiayaan bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan. Pemberian bantuan adalah terbuka kepada semua usahawan dan dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

MEDAC melalui TEKUN dan SME Bank telah menyediakan bantuan kepada usahawan dalam bentuk pembiayaan. Secara keseluruhannya, TEKUN Nasional untuk tahun 2020 sahaja telah menyalurkan pembiayaan sejumlah RM56.2 juta yang memanfaatkan kepada seramai 5,422 usahawan di negeri Sabah.

Manakala SME Bank dalam tahun 2020 pula telah meluluskan pembiayaan kepada 139 usahawan di Sabah dengan jumlah RM72.17 juta. Bagi meningkatkan kemahiran usahawan di Sabah, MEDAC melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah melaksanakan program latihan yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM114,371.00 bagi tahun 2019 dan RM299,330.00 bagi tahun 2020. Seramai 595 usahawan di Sabah telah mendapat bimbingan dan latihan di bawah INSKEN.

MEDAC amat prihatin kepada kelestarian dan kemampuan perniagaan usahawan di Malaysia pasca Covid-19. Selain daripada penyaluran kewangan bagi pembangunan usahawan secara langsung, Kerajaan melalui SME Bank telah memberi penangguhan pembayaran selama enam (6) bulan serta penstrukturan semula pembiayaan kepada usahawan PKS yang layak. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada lebih 3,100 pelanggan SME Bank dengan nilai pembiayaan berjumlah RM5.3 billion.

Sekian, terima kasih.